CURRENT
AWARENESS
SERVICE

JULY 2016
ISSUE NO. 7

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • *THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY*

YABHG. TUN ABDULLAH LANCARKAN BUKU *'A NATIONAL INTEGRITY SYSTEM'* SEMASA HADIRI BUAL BICARA INTEGRITI

Berita penuh muka surat 4

ISSN 2462-120X
9 772462 120008

CONTENTS / *KANDUNGAN*

EDITORIAL / *EDITORIAL*

03 Sambut Syawal dengan nilai integriti

WHAT'S IN THE NEWS / *BERITA TERKINI*

03 Mahasiswa makin sedar gejala rasuah

SPECIAL EVENT / *PROGRAM KHAS*

04 Bual Bicara Integriti: YABhg. Tun Abdullah lancarkan buku *'A National Integrity System'*

06 **INTEGRITI**, IKMAS dan *Integrity Action* anjurkan *Global Integrity Leadership Course* 2016

ROUND TABLE DISCUSSION / *PERBINCANGAN MEJA BULAT*

07 Integriti penjawat awam kedua terbaik di Asean

NEWS / *BERITA*

08 Peserta GILC dibawa timba pengalaman di tapak Projek Pembangunan Integriti Oleh Komuniti

09 *Conference On Corporate Governance and Responsibility: When theory meets practice*

10 'Modul **INTEGRITI** Prasekolah' menarik dan interaktif

11 **INTEGRITI** bantu sediakan pelan tindakan pengukuhan integriti Kementerian Kerja Raya 2016-2020

FEATURES / *RENCANA*

12 Kod etika dan tatakelakuan

13 Berintegriti ketika menyambut hari raya

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / *BUKU BAHARU PUSAT ILMU INTEGRITI*

15 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu INTEGRITI

EDITORIAL TEAM / *SIDANG PENGARANG*

Advisor
Dr. Anis Yusal Yusoff

Editor
Zubayry Abady Sofian

Assistant Editors
Nor Azni Ahmad Husairi (Malay)
Aimi Farhana Mohd Amin (English)

Staff Writer
Norsheeda Din

Photographers
Rosalizawati Arshad
Izal Arif Zahrudin

Cover
Aryzam Rahim

Contributors
Hj. Hamilye Sham Harun
Fara Hasda Suhaimi
Norasikin Baharudin Mohd
Anuar Hj. Ahmad
Mohd Rezaidi Mohd Ishak
Nabil Eiman Azman
Ismail Abdul Jalil
Harisham Ibrahim

Published monthly by
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

SAMBUT SYAWAL DENGAN NILAI INTEGRITI

Bagi umat Islam, Aidilfitri merupakan simbol kemenangan - kejayaan dalam berhadapan dengan pelbagai ujian sepanjang menjalankan ibadah puasa di bulan Ramadan.

Ujian yang dimaksudkan bukanlah sekadar lapar dan dahaga. Tetapi jua melibatkan perkara-perkara lain seperti tingkah laku dan kata-kata. Justeru, sebagai sebuah kemenangan, sudah tentulah ia disambut dengan riang dan penuh meriah. Namun, ketika berseronok meraikan Aidilfitri, nilai integriti jangan sesekali dilupakan.

Dalam memperkatakan integriti, ramai sekali yang mengaitkannya dengan perlakuan sepanjang Aidilfitri. Misalnya, gaya pemanduan di jalan raya, pembaziran juadah yang disediakan, menyuruh anak meminta duit raya daripada tuan rumah yang dikunjunginya dan sebagainya. Namun, jarang yang menyentuh tentang integriti dalam berkata-kata. Sedangkan orang-orang tua dahulu sudah berpesan, 'kerana mulut badan binasa'.

Menjaga tutur kata atau dengan kata lainnya bertutur secara berintegriti amat penting, apalagi pada bulan Syawal yang mulia. Perkataan yang lahir dari bibir perlulah baik-baik belaka agar ukhwah antara saudara-mara dan sahabat handai dapat dipelihara. Bercakap besar, bergosip, mengata orang, berkata kesat dan sebagainya hanya akan membawa kepada bermasam muka, bertelingkah dan ketegangan hubungan silaturrahim. Lebih buruk, ia akan membawa kepada perpecahan institusi keluarga dan masyarakat.

Meskipun rakyat negara ini berbilang bangsa dan agama, Syawal sewajarnya menjadi bulan yang mengeratkan hubungan setiap insan; antara anak dengan ibu bapa, antara jiran dengan jiran, antara rakan dengan rakan, antara pekerja dengan majikan, dan antara rakyat dengan pemimpin. Oleh itu, bulan yang penuh mulia ini, raikanlah ia dengan penuh integriti agar Syawal tahun ini menjadi lebih indah dan bermakna.

Selamat membaca!

Azni Husairi

MAHASISWA MAKIN SEDAR GEJALA RASUAH

Oleh Azman Ibrahim

Kajian badan bebas pada tahun lalu menunjukkan kadar kesedaran gejala rasuah dalam kalangan mahasiswa semakin meningkat berbanding 2002 iaitu setahun sebelum penubuhan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada 2003.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Mustafar Ali berkata, pada 2002, kira-kira 30 hingga 50 peratus mahasiswa berpendapat sekiranya mereka ada kuasa dan peluang, mereka sanggup terima rasuah.

Namun, sekarang, peratusan itu sudah berkurangan dengan lebih kurang 11 peratus yang berpendapat sedemikian.

"Kajian tersebut dilakukan oleh institusi bebas, bukan SPRM. Hal ini memperlihatkan kesedaran dan keinsafan mereka bersama-sama mencegah rasuah untuk dilaksanakan bersama masyarakat termasuk di peringkat kepimpinan, sektor kerajaan dan swasta," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Bual Bicara Integriti Siri 6/2016 dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016 di Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tan Sri Samsudin Osman; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (INTEGRITI), Dr. Anis Yusal Yusoff dan Felo Utama INTEGRITI, Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdul Rahman Embong.

Tambah Mustafar, pelbagai usaha kerajaan menangani gejala rasuah dilaksanakan termasuk program transformasi kerajaan yang mewujudkan inisatif-inisiatif khas seperti penubuhan 14 buah mahkamah khas untuk rasuah.

"Ini semua dapat melihatkan usaha-usaha pencegahan rasuah itu semakin meningkat dan semakin berjaya dan sudah tentunya ada peluang serta ruang penambahbaikan selain inisiatif yang boleh dilaksanakan," katanya.

Beliau memberitahu, sentiasa ada kajian bagi mengukur indeks persepsi rasuah dan inisiatif itu tidak akan terhenti setakat ini.

Sementara itu, Samsudin menambah, selepas penubuhan PIN, kadar integriti dalam kalangan penjawat awam juga meningkat.

Katanya, urusan perkhidmatan kerajaan pada waktu ini juga pantas termasuk urusan memproses pasport, lesen memandu dan lain-lain lagi.

Sumber: Utusan Malaysia, 28 Julai 2016

YABHG. TUN ABDULLAH LANCARKAN BUKU *'A NATIONAL INTEGRITY SYSTEM'* SEMASA HADIRI BUAL BICARA INTEGRITI

YABhg. Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi membelek buku *'A National Integrity System'* terbitan INTEGRITI

Oleh Hj. Hamilye Sham Harun dan Fara Hasda Suhaimi

Pada 27 Julai lalu telah berlangsung satu program perkongsian ilmu, Bual Bicara Integriti bertajuk 'Menelusuri Sejarah Permulaan Penubuhan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Pelan Integriti Nasional (PIN): Wadah dan Gagasan Membudayakan Integriti Masyarakat Malaysia' di Auditorium Integriti.

Sesuai dengan tajuk bual bicara, program ini menampilkan tiga orang tokoh istimewa iaitu Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan mantan Ketua Setiausaha Negara yang juga mantan Pengerusi Lembaga Pengarah INTEGRITI yang pertama, Tan Sri Samsudin Osman; Felo utama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang juga Felo Utama INTEGRITI, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong; dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang juga merupakan mantan Timbalan Presiden INTEGRITI, Dato' Sri Hj. Mustafar Hj. Ali. Ketiga-tiga tokoh ini merupakan antara individu penting yang terlibat secara langsung dalam penggubalan PIN serta penubuhan INTEGRITI Turut hadir dalam program ini ialah mantan Perdana Menteri, YABhg. Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi.

Tidak lokek berkongsi pengalaman, Tan Sri Samsudin berkata, sejarah awal PIN dan INTEGRITI bermula dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) pada tahun 2001. Ketika itu, pengerusinya, YABhg. Tun Abdullah telah mengarahkan agar kajian 'Persepsi Awam Terhadap Rasuah di Malaysia' dijalankan pada tahun 2002.

Laporan kajian tersebut antara lain memperakukan akan keperluan diwujudkan sebuah pelan integriti yang holistik bagi menangani isu integriti yang berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia di samping penubuhan institusi khas yang berperanan mengkoordinasi pelaksanaan pelan berkenaan. Berikutan laporan itu, YABhg. Tun Abdullah telah mengumumkan penggubalan PIN dan penubuhan INTEGRITI dalam sidang akhbarnya selepas Mesyuarat Jemaah Menteri pertama selaku Perdana Menteri pada 5 November 2003 dengan Tan Sri Samsudin dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah INTEGRITI yang pertama.

Sementara itu, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman memberitahu, kandungan laporan tersebut turut mendedahkan

Penyerahan cenderamata kenangan kepada Tan Sri Abu Kassim Mohamed sempena persaraan beliau sebagai Ketua Persuruhjaya SPRM dan Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI

(Dari kiri) En. P. Kanason a/l Pothinker, YABhg. Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi dan Tan Sri Rastam Mohd Isa

(Dari kiri) Dr. Anis Yusal Yusoff, Tan Sri Samsudin Osman, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong dan Dato' Sri Hj. Mustafar Hj. Ali

bahawa terdapat sebanyak 30 peratus mahasiswa sanggup menerima rasuah jika mereka mempunyai kuasa dan peluang untuk melakukannya. Meskipun begitu, sepanjang 10 tahun INTEGRITI ditubuhkan, beliau menegaskan bahawa pelbagai inisiatif dan usaha telah dilaksanakan bagi mengangkat kelangsungan pemerkasaan agenda integriti nasional. Malahan, INTEGRITI dengan kerjasama SPRM juga berkongsi visi dan misi iaitu memerangi penyelewengan, salah guna kuasa dan jenayah rasuah dalam kalangan rakyat Malaysia.

Ujar Dato' Sri Haji Mustafar, ramai tenaga pakar daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan pemimpin masyarakat memberikan sumbangan idea ke arah pembentukan Pelan Tindakan PIN.

Akui beliau, usaha untuk mentransformasikan sikap masyarakat agar melihat integriti sebagai suatu yang penting khususnya sebagai jati diri bukanlah suatu yang mudah kerana kebanyakan mereka sudah terbiasa dengan amalan sedia ada. Justeru, beliau menyarankan agar rasuah dimasukkan sebagai sebahagian daripada sukatan pelajaran dalam buku teks di sekolah supaya pendidikan berkaitan rasuah dapat dilakukan sedari awal. Pada masa yang sama, isu sistem penyampaian awam juga perlu diperingkatkan bagi mengelakkan penjawat awam dan masyarakat daripada saling menerima dan memberi rasuah.

Selain itu, Dato' Sri Haji Mustafar turut menasihatkan INTEGRITI agar sentiasa melakukan semakan semula PIN, khususnya daripada aspek pencegahan rasuah, pendidikan dan lain-lain amalan baik berkenaan integriti. Ini penting bagi memastikan masyarakat sentiasa terdedah dengan perkembangan terbaru amalan integriti.

Program Bual Bicara ini turut menjadi lebih bermakna dengan acara pelancaran buku yang berjudul *'A National Integrity System'* oleh YBhg. Tun Abdullah. Buku terbitan INTEGRITI ini berkisarkan tentang Sistem Integriti Nasional yang diperlukan untuk menyediakan rangka kerja yang bersifat menyeluruh, sekali gus boleh rujukan yang berguna.

Kesempatan yang ada juga digunakan oleh INTEGRITI untuk menghadiahkan cenderamata kepada Tan Sri Abu Kassim Mohamed yang bakal menamatkan perkhidmatannya sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dah Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI pada penghujung Julai 2016. Ia merupakan tanda penghargaan terhadap segala jasa beliau selama ini kepada INTEGRITI.

INTEGRITI, IKMAS DAN *INTEGRITY ACTION* ANJURKAN *GLOBAL INTEGRITY LEADERSHIP COURSE* 2016

Oleh Norasikin Baharudin

Peningkatan pelbagai kes dan skandal di seluruh dunia pada hari ini membuktikan bahawa cabaran utama masa kini adalah berpunca daripada dilema etika dan risiko integriti. Ini bermakna masyarakat moden hari ini perlu dipimpin oleh pemimpin yang mempunyai integriti dan kredibiliti.

Justeru, sebagai usaha jangka panjang, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia UKM dan *Integrity Action* telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan siri pertama *Global Integrity Leadership Course* (GILC) 2016 yang bermula pada 23 Julai dan berakhir pada 6 Ogos 2016. Kursus selama dua minggu ini berlangsung di Menara Integriti.

Julung kali diadakan di rantau ASEAN khususnya di negara ini, GILC memberi tumpuan khusus serta fokus kepada kepimpinan dan pengurusan integriti. Bagi tujuan itu, pegawai-pegawai kanan di sektor kerajaan dan swasta, ahli akademik, ahli parlimen, kumpulan profesional, pengamal media dan pemimpin dari pelbagai agensi di Malaysia serta dari negara-negara anggota ASEAN dijemput untuk menyertai program ini.

Sementara itu, tenaga pengajar pula terdiri dari kalangan individu yang berpengalaman luas dalam bidang integriti iaitu Presiden dan Pengasas *Integrity Action*, Dr. Fredrik Galtung, Pengarah Urusan *Arpitha Associates*, Dr. J.M. Samparth, Felo Utama INTEGRITI dan Felo Utama IKMAS, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, Pengarah IKMAS, Prof. Dr. Rashila Ramli dan pensyarah di Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Prof. Dr. Rahimah Abdul Aziz. Individu lain yang turut menjadi tenaga pengajar GILC ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff.

Modul GILC meliputi konsep asas etika dan integriti dengan menggunakan pelbagai kaedah. Antaranya ialah penggunaan kajian kes dengan kandungan dan konteks global serta tempatan. Selain itu, kursus ini juga menyediakan platform interaktif yang membolehkan para peserta berkongsi dan mengkaji semula amalan etika dan integriti dalam organisasi dengan negara-negara lain di ASEAN.

Selain perkongsian di dalam kelas, mereka turut dibawa melawat ke beberapa agensi seperti Petronas, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mendengar sendiri pengalaman serta strategi agensi tersebut dalam pelaksanaan integriti. Peserta juga berpeluang melihat dan merasai sendiri pengalaman menduduki ujian *Malaysian Integrity Profiling* (MIP) yang dikendalikan oleh INTEGRITI.

Menerusi kursus ini, para peserta dapat melengkapkan diri sebagai individu yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan etika dan integriti di agensi masing-masing melalui prinsip-prinsip, strategi dan kemahiran mengenai etika dan integriti yang telah dipelajari. Mereka juga mampu mengenal pasti jurang integriti dan kaedah penyelesaiannya termasuklah melaksanakan proses pemantauan dan penilaian di agensi masing-masing.

Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Saad

Suasana sewaktu sesi pebincangan meja bulat belangsung

INTEGRITI PENJAWAT AWAM KEDUA TERBAIK DI ASEAN

Oleh Anuar Hj. Ahmad

Penjawat awam merupakan antara individu penting yang menjadi barisan hadapan pentadbiran kerajaan. Menyedari akan hal itu, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan satu sesi perbincangan meja bulat (RTD) bertajuk 'Strategi Bagi Mempertingkatkan Imej Perkhidmatan Awam di Malaysia Dalam Konteks Integriti' yang berlangsung pada 29 Julai lalu di Menara Integriti.

RTD ini membariskan enam orang pembincang utama yang terdiri daripada Pengerusi Telekom Malaysia yang juga mantan Presiden INTEGRITI, Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob, Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Saad, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Datuk Jalil Marzuki, Timbalan Pengarah Kanan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan, Pengarah Sektor Audit Negeri-Negeri, Jabatan Audit Negara, Dato Hj. Che Isa Che Kob, dan Ketua Pegawai Eksekutif, *Razak School of Government* (RSOG), Prof. Madya Dr. Hamidin Abdul Hamid. Tumpuan utama perbincangan adalah tentang draf kertas dasar yang telah dibentangkan oleh INTEGRITI.

Dalam perbincangan berkenaan, semua pembincang berpendapat bahawa pencapaian Malaysia dari segi indeks integriti dan tadbir urus sama ada di peringkat dalam negara ataupun antarabangsa seperti Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara, Indeks Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Sistem *Star Rating* oleh MAMPU, *World Bank Ease of Doing Business Index, World Economic Forum Competitiveness Index* berada pada tahap yang baik iaitu melepasi paras sederhana. Hanya Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa yang dikeluarkan oleh *Trasparency International* (TI) sahaja memperlihatkan Malaysia berada pada paras sederhana.

Berdasarkan indeks-indeks tersebut, persepsi buruk terhadap perkhidmatan awam disifatkan berpunca daripada kecenderungan media massa memaparkan berita-berita yang kurang tepat tentang penjawat awam semata-mata untuk melariskan jualan ataupun meningkatkan *rating*. Antara yang selalu dipaparkan media ialah tentang kegagalan kerajaan menangani isu tertentu dan juga perihal integriti anggota perkhidmatan awam yang berada pada tahap yang rendah. Justeru, selari dengan hal itu, adalah penting agar setiap isu yang dibangkitkan oleh media ditangani segera dalam tempoh 24 jam oleh Unit Komunikasi Korporat yang telah ditubuhkan di setiap kementerian.

Tan Sri Dr. Ibrahim yang pernah berkhidmat sebagai Duta Besar Malaysia ke Filipina berkata, mutu perkhidmatan awam di negara ini jauh lebih baik berbanding negara-negara rantau Asean kecuali Singapura. Di Filipina misalnya, proses pengambilan pasport mengambil masa selama tiga bulan dan urusan pendaftaran kenderaan pula boleh mencecah sehingga enam bulan, sedangkan urusan-urusan tersebut boleh diselesaikan dalam masa sehari di Malaysia. Meskipun begitu, tegas beliau, penjawat awam di negara ini masih perlu mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, khususnya di kaunter yang juga melambangkan imej korporat sesebuah organisasi.

Usaha bersepadu, inklusif dan holistik dari semasa ke semasa perlu bagi meningkatkan lagi imej korporat perkhidmatan awam di Malaysia. Bagaimanapun, tanpa penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak, sudah tentu usaha tersebut sukar untuk berhasil.

PESERTA GILC DIBAWA TIMBA PENGALAMAN DI TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN INTEGRITI OLEH KOMUNITI

Oleh Mohd Rezaidi Mohd Ishak dan Nabil Eiman Azman

Padat dengan pengisian, program *Global Integrity Leadership Course* (GILC) 2016 yang julung kali dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bermula 23 Julai lalu telah memberikan pengalaman yang tidak ternilai kepada para pesertanya apabila mereka diberi peluang melawat tapak Projek Pembangunan Integriti Oleh Komuniti (CIB) yang terletak di Subang Jaya, Selangor dan di bandar raya Melaka pada 30 Julai lalu.

Lawatan berkenaan adalah untuk meningkatkan pengetahuan serta pengalaman para peserta GILC berkaitan CIB iaitu projek rintis yang diusahakan oleh INTEGRITI bersama dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) untuk mempromosikan integriti dalam kalangan masyarakat.

Dalam lawatan tersebut, para peserta dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama dibawa berkunjung ke MPSJ. Di sana, para peserta bukan sekadar mendengar ucapan ringkas daripada Yang Dipertua MPSJ, Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan, tetapi juga taklimat khas berkaitan CIB di daerah Subang Jaya oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MPSJ, Dr. Roslan Mohamed Hussin serta Ahli Majlis Zon 3, En. Cr. Chang Kim Long.

Sebaik sahaja sesi berakhir, semua peserta kemudiannya dibawa ke USJ 11 untuk melihat sendiri kerja-kerja pembersihan parit dan rumput yang sedang dilakukan oleh kontraktor. Ini diikuti pula dengan lawatan ke USJ 3. Di kawasan berkenaan, para peserta berpeluang bersama-sama dengan pasukan pemantau CIB dan masyarakat setempat menjalankan kerja-kerja pemantauan di samping mengendalikan taman kebun yang ada di situ.

Sementara itu, kumpulan kedua pula telah dibawa ke MBMB. Di sana, taklimat bertajuk 'Projek CIB Dalam Perspektif MBMB' telah disampaikan sendiri oleh Datuk Bandar Melaka, Datuk Zainal Hussin. Dalam ucapan beliau, Datuk Zainal meluahkan rasa puas hatinya terhadap perubahan dan pencapaian yang diperoleh oleh bandar raya Melaka. Malah, beliau mahukan CIB terus dilaksanakan di negeri berkenaan. Sementara itu, wakil pasukan pemantau CIB, En. Mohd Nizam Zainal Abidin turut berkongsi pengalamannya dengan memberitahu bahawa pasukan pemantaunya terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuklah daripada masyarakat tempatan dan kontraktor.

Selesai sahaja taklimat, para peserta dibawa melawat ke dua tapak CIB iaitu Taman Krubong Jaya dan Taman Bukit Cheng bagi menyaksikan sendiri aktiviti-aktiviti pembersihan yang sedang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh MBM. Sepanjang berada di sana, mereka juga didedahkan dengan spesifikasi kerja-kerja pembersihan yang telah ditetapkan oleh MBMB dan juga cara pemantauan dilaksanakan.

Lawatan selama sehari ini nyata memberikan banyak manfaat kepada para peserta GILC terutamanya apabila mereka berpeluang melihat sendiri dan bertanya terus kepada pasukan pemantau CIB di kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT). Bahkan, pengalaman ini bakal menyemarakkan lagi semangat integriti di kalangan mereka.

Jawatankuasa Pemantau CIB di Melaka

Suasana sekitar lawatan di tapak CIB di Subang Jaya

CONFERENCE ON CORPORATE GOVERNANCE AND RESPONSIBILITY: WHEN THEORY MEETS PRACTICE

By Mohd Ismail Abdul Jalil

Corporate governance is an important aspect of any business. When corporate governance is done properly, it allows a company to work smoothly due to the existence of a clear level of accountability and communication amongst the organization as well as making people understand what their roles and responsibilities are. Realizing the importance of corporate governance among ASEAN businesses, ASEAN CSR Network (ACN) and NUS Business School, National University of Singapore's Centre for Governance, Institutions and Organisations (CGIO) have organized a Conference on Corporate Governance and Responsibility: Theory Meets Practice on 22 - 23 July 2016 at Kent Ridge Guild House, National University of Singapore.

The Conference provided a platform for key stakeholders among the ASEAN countries who are engaged in teaching, researching and implementing corporate governance to participate in high-level lectures, interactive dialogue and consultation and sharing of practices and experiences helping to bridge the gap between theory and practice. Over a period of three days, the event has brought together approximately 200 speakers and delegates from across the region. Among those who attended were senior representatives from universities and think tanks as well as corporate practitioners, civil society leaders, and policymakers. ACN has extended its invitation to INTEGRITI to participate and was represented by the Director cum Coordinator of the Economic Institution, Mohd Ismail Abdul Jalil to share INTEGRITI'S experience in the conference.

One of the remarks noted was that many parties including governments have been urging companies regardless of their sizes to be socially responsible. It was then highlighted that most of the companies, nonetheless are evaluating the need to be responsible from the economic perspective. In other words, these companies are looking for incentive. They are more interested to know what will be the returns on investments in order for them to be socially responsible.

Many delegates agreed that although corporate governance and responsibility is effective in addressing socio-economic issues in society at large, there is a growing number of companies across ASEAN that are incorporating good governance into their core business activities. However, the current state of corporate governance and responsibility is well below expectation among the ASEAN countries. Furthermore, one of the speakers, Professor Jeremy Moon, an expert in Corporate Sustainability from Copenhagen Business School pointed out that the understanding and implementation of corporate social responsibility (CSR), for example is currently largely confined to philanthropic activities.

It was also revealed that despite awareness and interest on CSR in the private sector, best practices could only be found in established companies, mostly large multinational corporations, with many Small and Medium Enterprises (SMEs) and ASEAN-based companies still lagging behind. As a solution, it was suggested that ASEAN companies be given support in formal training on how to adopt and implement CSR standards.

The role of leadership was also discussed in the conference as it plays a key role as far as governance is concern. The buck stays in the board where directors will have to ensure that their company, particularly its top management is acting responsibly and committed to the broader cause of good governance. Many have voiced out that the role of a board, particularly for a listed company is to govern the enterprise in a fashion that responsibly meets the needs of all stakeholders. It is rather tough to execute for the ten or so board members who meet four to eight times a year and are held fully accountable for that responsibility. Clearly, selecting the "right" board members to advance that journey with excellence is one of the keys to success.

On the last day of the conference, the delegates attended a site visit to the Marina Barrage, organized by the ACN. This innovative facility not only supplies water to Singaporeans and helps alleviate floods but also doubles up as a place for family fun. On top of that, it is also a showcase for Singapore's push to become a greener country.

‘MODUL INTEGRITI PRASEKOLAH’ MENARIK DAN INTERAKTIF

Oleh Norsheeda Din

Suasana sekitar bengkel

Melentur buluh biarlah daripada rebungnya, pepatah yang tidak asing lagi dalam kehidupan masyarakat kita. Menyedari keperluan penerapan nilai-nilai murni pada peringkat awal kanak-kanak, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) baru-baru ini telah mengambil inisiatif menghasilkan modul baharu bagi kanak-kanak prasekolah yang dinamakan Modul INTEGRITI Prasekolah (MIPS).

Ia merupakan sebahagian daripada usaha murni INTEGRITI untuk mengetengahkan pendekatan yang lebih menarik dan interaktif bagi menerapkan serta menyuburkan nilai-nilai integriti dalam kalangan anak kecil. Ini selari dengan matlamat pelaksanaan MIPS iaitu sebagai alternatif kepada pendekatan sesi pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada di negara ini, khususnya yang berkaitan dengan usaha pembenihan serta penyemaian integriti dalam diri kanak-kanak prasekolah.

Mengutamakan elemen-elemen integriti, MIPS bakal mengetengahkan konsep *fun learning* dan interaktif menerusi dua pendekatan iaitu pertunjukan boneka dan bercerita bersama boneka maskot INTEGRITI bernama SAM, singkatan kepada Saya Anak Malaysia.

Untuk merealisasikan modul ini, beberapa siri bengkel dijadualkan berlangsung dengan penyertaan adalah dari kalangan individu-individu yang berpengalaman dan berlatar belakangkan bidang pendidikan. Bengkel pertama yang diadakan pada 20 hingga 22 Julai lalu di Menara Integriti telah dihadiri oleh 25 orang pegawai daripada Kementerian Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak (FACE) Universiti Putra Malaysia (UPM) serta wakil-wakli daripada tadika awam dan swasta.

Dalam bengkel tersebut, para peserta diminta memberikan pengenalan ringkas tentang fungsi dan peranan agensi atau organisasi masing-masing. Mereka juga diberi peluang untuk mengetengahkan sebarang bentuk usaha sama yang boleh dilaksanakan bagi menjayakan MIPS. Selain itu, wakil-wakil tadika turut berkesempatan untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan dan modul yang digunakan di premis masing-masing. Lanjutan daripada itu, satu sesi diskusi diadakan bagi membincang dan menilai kelebihan serta kekurangan modul-modul tersebut. Input daripada sesi sumbang saran itu penting bagi memantapkan lagi MIPS.

Perbincangan awal dalam bengkel ini amat perlu dalam membantu INTEGRITI memperkukuhkan, memperlengkapkan serta memantapkan MIPS agar ia berjaya dihasilkan sebagai suatu modul terkini dan tersendiri tanpa wujud unsur peniruan atau pengulangan terhadap modul prasekolah yang sedia ada. Ini sekali gus membolehkan MIPS dilaksanakan di beberapa tadika terpilih pada masa akan datang sebagai projek perintis.

SAM, boneka maskot INTEGRITI

Suasana sekitar bengkel

INTEGRITI BANTU SEDIAKAN PELAN TINDAKAN PENGUKUHAN INTEGRITI KEMENTERIAN KERJA RAYA 2016-2020

Oleh Harisham Ibrahim dan Norsheeda Din

Kementerian Kerja Raya Malaysia telah bekerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dalam usaha untuk membangunkan Pelan Tindakan Pengukuhan Integriti Kementerian Kerja Raya (KKR) 2016-2020.

Pelan ini adalah kesinambungan daripada Pelan Tindakan Pengukuhan Integriti, Kementerian Kerja Raya Malaysia 2014-2015 yang telah tamat tempohnya. Ia bertujuan untuk memperkasakan amalan integriti yang merupakan tunjang atau teras kepada pembentukan sebuah organisasi yang maju serta seimbang dan seterusnya menyumbang ke arah kemakmuran negara.

Sebagai sebuah kementerian yang terlibat secara langsung dalam agenda pembangunan negara, amatlah penting bagi setiap individu dalam kementerian ini untuk menggalas tanggungjawab dengan penuh integriti agar dapat dinilai baik oleh masyarakat.

Seramai 35 orang warga Kementerian Kerja Raya yang mewakili setiap bahagian dan agensi di bawahnya telah hadir dan bersama-sama memberi input serta merangka program dan aktiviti yang menjurus kepada peningkatan integriti warga kementerian.

Pembentukan Pelan Tindakan Pengukuhan Integriti KKR 2016-2020 ini perlu melalui beberapa peringkat. Ia dimulakan dengan bengkel *brainstorming* yang bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan integriti yang wujud dalam organisasi dan punca kepada permasalahan itu.

Bengkel *brainstorming* ini disusuli dengan bengkel *scopping* iaitu mengenal pasti strategi-strategi yang sesuai bagi menyelesaikan masalah-masalah yang telah disenaraikan. Melalui sesi ini juga para peserta dikehendaki merangka program atau aktiviti bagi menjayakan strategi yang telah ditentukan itu. Mereka diminta untuk mengisi *template* yang telah disediakan oleh urus setia.

Peringkat seterusnya adalah Bengkel Pemurnian Deraf Pelan Tindakan Pengukuhan Integriti KKR 2016-2020 yang telah diadakan pada 19 hingga 21 Julai 2016 yang lalu di Menara Integriti. Menerusi bengkel ini, Deraf Pelan Tindakan Pengukuhan Integriti KKR 2016 - 2020 ini dibentangkan di hadapan beberapa orang juri bebas untuk mendapatkan ulasan dan pandangan ke arah penambahbaikan deraf tersebut. Para juri bebas ini didatangkan khas dari Jabatan Perdana Menteri, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Jabatan Audit Negara.

Deraf Pelan Tindakan Pengukuhan Integriti KKR 2016-2020 ini bakal dibentangkan sekali lagi kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Kerja Raya untuk mendapatkan persetujuan sebelum ia dibuku dan diterbitkan.

KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN

Oleh Mohd Hafizdi Che Md Akhir
Disiarkan dalam Utusan Online, 5 Julai 2016

Rasanya belum terlambat lagi untuk mengucapkan tahniah kepada Datin Mastura Mohd Yazid dan Budiman Mohd Zohdi kerana telah memenangi Pilihan Raya Kecil bagi Parlimen Kuala Kangsar dan Parlimen Sungai Besar. Semoga amanah dan tanggungjawab sebagai wakil rakyat dapat dipikul dengan penuh berintegriti.

Apa yang menarik perhatian penulis, sehingga kini Parlimen Malaysia masih tidak mempunyai sebarang kod etika dan tatakelakuan bagi ahli-ahli Parlimen untuk dijadikan sebagai garis panduan berkaitan apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan bagi setiap ahli parlimen.

Secara asasnya, kod etika dan tatakelakuan bertujuan mewujudkan budaya politik yang memberi penekanan besar pada kewajaran ketelusan, kejujuran, akauntabiliti dan integriti dalam kalangan ahli Parlimen.

Pada tahun 2005, Dewan Rakyat telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti bagi membincangkan isu-isu pengukuhan nilai, etika dan integriti dalam kalangan masyarakat berlandaskan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 12 Ahli Dewan Rakyat dan dipengerusikan oleh Tan Sri Bernard Dompok, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Namun begitu, jawatankuasa berkenaan tidak menjadikan isu pengukuhan integriti dalam kalangan ahli-ahli parlimen sebagai agenda utamanya.

Jika diteliti, sejak kemerdekaan Malaysia pada 1957 hingga kini, pelbagai jenis pembaharuan telah dilaksanakan kerajaan. Antaranya adalah pembaharuan dari aspek ekonomi, sosial, keselamatan dan perkhidmatan awam. Sehubungan itu, pembaharuan yang melibatkan institusi Parlimen yang adalah sebuah badan legislatif utama di negara ini wajar dilakukan sejajar dengan perkembangan semasa terutamanya berkaitan dengan elemen integriti dan ketelusan.

Walau bagaimanapun, tahniah diucapkan kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia kerana telah mula melakukan pembaharuan. Sebanyak tiga teras penting dalam usul pembaharuan iaitu pindaan berkenaan pertanyaan-pertanyaan jawab lisan; pewujudan kamar khas *(special chamber)* dan pewujudan waktu pertanyaan-pertanyaan menteri telah diterima oleh Dewan Rakyat baru-baru ini.

Sesungguhnya, pembaharuan yang melibatkan aspek etika, integriti dan pencegahan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan ahli-ahli Parlimen seharusnya dilaksanakan segera demi memberi keyakinan dan persepsi positif kepada ahli-ahli parlimen dan kerajaan.

Pada masa sekarang, keperluan kepada piawaian kelakuan dan tingkah laku beretika dalam kalangan ahli-ahli Parllimen amatlah tinggi dan penting. Sesungguhnya, satu set kod etika dan tatakelakuan dapat memberi panduan dan hala tuju yang berharga kepada ahli-ahli Parlimen dalam melaksanakan amanah mereka sebagai wakil rakyat dan penggubal undang-undang.

Usaha ke arah mewujudkan satu set kod etika bagi ahli-ahli Parlimen di Malaysia telah pun dilakukan pada 2005 apabila Perdana Menteri pada ketika itu melancarkan Kod Etika Bagi Ahli Parlimen Kerajaan. Namun begitu, set kod etika tersebut tidaklah menyeluruh dari segi kandungan dan pelaksanaannya.

Keperluan terhadap pembaharuan ini turut dipromosikan oleh *Commonwealth Parliamentary Association (CPA)* kepada ahli-ahlinya. CPA komited untuk menyokong ahli-ahli Parlimen dan kakitangan Parlimen dalam kalangan negara Komanwel untuk mengenal pasti penanda aras tadbir urus yang baik dan pelaksanaan nilai-nilai baik agar kepercayaan orang ramai kepada institusi Parlimen adalah di tahap yang tinggi.

Sementara itu, *The Westminster Foundation for Democracy* (WFD) sentiasa komited dalam usaha meningkatkan pembangunan amalan berdemokrasi termasuklah dalam meningkatkan kepercayaan masyarakat awam terhadap ahli-ahli Parlimen dan Parlimen.

The Golbal Organization of Parlimentarians Against Corruption (GOPAC) pula yang mempunyai keahlian lebih daripada 90 buah negara turut menyokong usaha ke arah meningkatkan tadbir urus terbaik dan kepercayaan masyarakat awam terhadap institusi Parlimen.

Satu daripada set kod etika dan tatakelakuan yang paling meluas digunapakai atau dirujuk adalah yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Piawaian dalam Kehidupan Awam, yang ditubuhkan di United Kingdom pada 1994.

Jawatankuasa ini memperkenalkan satu set kod yang menyeluruh yang boleh diguna pakai oleh ahli-ahli parlimen. Set ini dikenali sebagai *Seven Principles of Public Life*.

Kini, persoalan sama ada kod etika dan tatakelakuan ahli-ahli Parlimen wajar diwujudkan atau tidak di negara ini bergantung kepada kesedaran dan keazaman politik dalam kalangan ahli-ahli Parlimen itu sendiri terhadap keperluan tersebut.

Penulis berpendapat bahawa pembangunan satu set kod etika dan tatakelakuan bagi ahli-ahli parlimen dengan penguatkuasaan yang sesuai amatlah diperlukan bagi membolehkan ahli-ahli Parlimen untuk menunjukkan standard etika yang tinggi selaras dengan kepentingan awam; mencegah kes-kes yang tidak beretika dalam kalangan ahli Parlimen agar perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa tidak lagi berlaku; meningkatkan tahap kepercayaan orang ramai terhadap ahli-ahli Parlimen; dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perkara 8 Konvensyen PBB Menentang Rasuah, yang memperuntukkan pembangunan 'Kod Amalan Pegawai Awam'.

Sesungguhnya, dalam memelihara sistem demokrasi moden yang diguna pakai oleh majoriti negara di dunia pada hari ini, keperluan terhadap elemen integriti dan ketelusan dalam urus tadbir adalah mustahak demi kelestarian dan survival sesebuah kerajaan dan negara.

** Penulis ialah Penyelaras Institusi Politik di Institut Integriti Malaysia*

BERINTEGRITI KETIKA MENYAMBUT HARI RAYA

Oleh Rohami Shafie
Disiarkan dalam Utusan Malaysia, 5 Julai 2016

Esok, 1 Syawal adalah hari kemenangan umat Islam dalam melawan nafsu dan godaan selepas berpuasa selama sebulan. Sewajarnya hari ini diraikan dengan rasa syukur atas kejayaan mengharungi segala cabaran dan merasai sendiri kesukaran golongan miskin yang mana mereka ini menjalani kehidupan serba kekurangan bak kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Bulan Ramadan yang baru berlalu juga telah banyak mengajar kita mengenal erti kesabaran. Semoga kita sentiasa beristiqamah pada bulan-bulan mendatang sehinggalah Ramadan mengunjungi kita kembali pada tahun hadapan. Insya-Allah. Beristiqamah di sini bermaksud sentiasa melakukan kebaikan dan meninggalkan larangan Allah SWT secara berterusan sebagaimana yang dilakukan sepanjang bulan Ramadan lalu.

Tatkala kita menyambut Hari Raya Aidilfitri, ingatlah mereka yang kurang bernasib baik. Ada antara mereka tidak mampu meraikan lebaran sebagaimana orang lain. Bersederhanalah meraikan hari raya ini. Usah membazir dan menunjuk-nunjuk kemewahan yang ada. Begitu juga, beretika dan berintegritilah tatkala menyambut Hari Raya Aidilfitri. Misalnya, semasa berada di jalan raya, usah terburu-buru memandu kenderaan hanya kerana ingin cepat sampai ke destinasi yang ingin dituju. Sikap mementingkan diri boleh mengundang padah kepada diri sendiri. Sebaliknya, amalkan sikap bersabar semasa memandu.

Jika diamalkan sikap bersabar semasa musim perayaan, nescaya dapat mengurangkan kadar kemalangan yang selama ini membelenggu kita setiap kali musim perayaan. Bukan susah pun untuk sentiasa beretika ketika di jalan raya. Dengan hanya mematuhi undang-undang jalan raya dan pada masa sama tidak cuai tatkala memandu, nescaya kadar kemalangan mampu dikurangkan. Mematuhi undang-undang ini termasuklah tidak memandu di lorong kecemasan dan tidak sesekali menggunakan telefon bimbit sepanjang perjalanan.

Dalam pada itu, usah terlalu taksub ber*selfie* di jalan raya sehingga boleh membahayakan orang lain. Tiada siapa yang memperoleh keuntungan apabila kemalangan berlaku. Sebaliknya, kemalangan bakal menyusahkan orang lain. Terutamanya jika kemalangan tersebut berlaku disebabkan kecuaian diri sendiri.

Dalam hal ini, amalan beretika sepanjang memandu di jalan raya adalah antara penyelesaian utama ke atas isu kadar kemalangan yang tinggi di Malaysia yang mana sehingga ke hari ini isu ini masih hangat dibincangkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Di negara-negara maju, kemalangan bukanlah satu topik yang wajar diperdebatkan pada setiap hari ketika musim perayaan. Malang sekali, semasa kita ingin menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi, isu sebegini masih menjadi polemik seolah-olah tiada sebarang penyelesaian yang mampu menanganinya.

Sebagai penduduk yang mendiami sebuah negara yang bakal bergelar negara maju berpendapatan tinggi beberapa tahun lagi, maka sikap dan mentaliti rakyatnya juga sewajarnya berada dalam kategori kelas pertama. Jangan hanya kita berbangga dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ekonomi semata-mata, walhal dalam hal sikap dan mentaliti kita masih jauh ke belakang berbanding sikap dan mentaliti masyarakat negara-negara maju lain.

Di samping beretika di jalan raya semasa musim perayaan, satu perkara lagi yang perlu ditekankan adalah elemen memberi hadiah atau wang ringgit sepanjang musim perayaan ini. Sememangnya elemen memberi hadiah ini adalah satu nilai yang baik, misalnya memberi duit raya kepada anak-anak kecil bagi menggembirakan mereka.

Namun, dalam konteks orang dewasa, memberi hadiah ini dibimbangi boleh mewujudkan unsur rasuah. Lebih-lebih lagi jika melibatkan urusan perniagaan. Misalnya, pemberian hadiah yang bertujuan memperoleh ganjaran yang lain sudah tentulah kelihatan seperti gejala rasuah.

Maka, dalam hal ini, terdapat syarikat yang sudah mewujudkan polisi supaya tiada lagi pemberian hadiah yang mana pihak yang memberi hadiah tersebut mempunyai urusan perniagaan dengan pihak syarikat.

Sayugia diingatkan syarikat yang beretika dan berintegriti sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat. Hal ini berlaku sedemikian kerana imej dan reputasi syarikat tersebut sentiasa berada dalam keadaan terbaik. Implikasi positifnya sudah tentulah syarikat tersebut sentiasa dipercayai dan diyakini oleh masyarakat, kerajaan dan syarikat-syarikat lain. Maka, setiap urusan perniagaan syarikat tersebut akan lebih lancar.

Malah, syarikat sebegini juga sentiasa termasuk dalam pilihan bakal pekerja. Sememangnya setiap manusia yang normal mahukan suasana kerja yang beretika dan berintegriti. Suasana kerja sebegini merangsang produktiviti pekerja, malah suasana kerja yang baik sebegini menjadikan pekerja bekerja dengan jujur dan amanah. Moral dan motivasi pekerja juga akan sentiasa berada pada tahap tertinggi.

Lain pula halnya sekiranya tiada amalan beretika dan berintegriti dalam kalangan pekerja dan pengurusan tertinggi syarikat. Penipuan dan penyelewengan bahkan gejala rasuah akan berlaku dengan berleluasa sehinggakan tiada lagi kejujuran dalam menjalankan urusan perniagaan. Syarikat sebegini tidak mampu bertahan lama ekoran tiada lagi rasa tanggungjawab dalam kalangan pengurusan tertinggi dan pekerja bawahan syarikat.

Lantaran itu, mahu tidak mahu, etika dan integriti mestilah diamalkan dalam sebarang urusan perniagaan. Dalam hal ini, usahlah hanya menuding jari kepada sektor awam semata-mata. Sektor perniagaan juga tidak terkecuali kerana umum mengetahui jika melibatkan urusan wang ringgit, prospek gejala rasuah berlaku adalah tinggi. Maka, cegahlah sebelum terlambat. Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf zahir dan batin.

** Penulis ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia (UUM)*

THE ETHICAL CONTRIBUTION OF ORGANIZATIONS TO SOCIETY



Publisher: Emerald Group Publishing Limited

Published: 2015

Editors: Micheal Schwartz, Howard Harris and Debra Comer

Almost every activity undertaken in the world today is reliant in some way or another on an organization. Papers in this volume consider the ethical impact on society of the activities undertaken by organizations.

Two important features of organizational life, integrity (or the lack of it) and the role of professions, are explored in this collection. There are examples from finance, the military, social enterprise, and a range of professions. The volume covers both conceptual insights and case studies. It also explores the links between ethics, organizations and corporate governance concluding that if the corporation is ethical, has integrity, and takes governance seriously then it will have an impact in society.

CORRUPTION, FRAUD, ORGANIZED CRIME, AND THE SHADOW ECONOMY



Publisher: CRC Press

Published 2016

Editor: Maximilian Edelbacher, Peter C. Kraatcoski and Bojan Dobovšek

Fueled by corruption, fraud, and organized crime, the shadow economy—also known as the informal, black market, illegal, or underground economy—is currently on the rise worldwide. Corruption, Fraud, Organized Crime, and the Shadow Economy addresses shadow economies and the players involved by examining various aspects of criminal law and prosecution.

This book gathers the insights of several world-renowned professionals and academics in order to portray the links between organized crime, the shadow economy, and corruption. It discusses how to address these issues as they relate to crime, criminal law, and prosecution of the players involved.

The constant misconception by policy makers of the relationships between organized crime, corruption, and the shadow economy fuels the present status quo of economic inequality, increases the risks of future economic crises, victimizes people, and even damages the environment. This book takes a critical, multinational, multidisciplinary, common-sense approach to complex and globalized problems of conventional and unconventional deviance through the shadow economy.

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

www.integriti.my

integriti.my

@integritidotmy

integriti.my